



9 April 2012
9 April 2012
P.U. (B) 132

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

ARAHAN KHAS MENTERI

SPECIAL DIRECTION OF THE MINISTER



DISIARKAN OLEH /
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA /
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA BANTUAN BERSAMA DALAM PERKARA JENAYAH 2002

ARAHAN KHAS MENTERI

BAHAWASANYA:

- (a) suatu perkara jenayah yang melibatkan kesalahan berat asing iaitu penipuan hasil awam di bawah *common law*, pengubahan wang haram di bawah seksyen 327, 328 dan 329 Akta Hasil Jenayah 2002, pengelakan palsu cukai tambah nilai di bawah seksyen 72 *Value Added Tax* 1994 dan komplot di bawah seksyen 1(1) Akta Undang-Undang Jenayah 1977 United Kingdom telah dimulakan di United Kingdom of Great Britain and Northern Ireland, suatu Negara asing;
- (b) *Crown Prosecution Service* United Kingdom of Great Britain and Northern Ireland telah membuat suatu permintaan bagi bantuan bersama berhubung dengan perkara jenayah itu di bawah Akta Bantuan Bersama dalam Perkara Jenayah 2002 [*Akta 621*];
- (c) tiada perintah di bawah seksyen 17 Akta Bantuan Bersama dalam Perkara Jenayah 2002 telah dibuat berhubung dengan United Kingdom of Great Britain and Northern Ireland pada masa permintaan tersebut diterima oleh Malaysia; dan
- (d) Peguam Negara Malaysia telah mengesyorkan bahawa bantuan bersama diberikan kepada United Kingdom of Great Britain and Northern Ireland berhubung dengan perkara jenayah itu di bawah Akta Bantuan Bersama dalam Perkara Jenayah 2002:

MAKA OLEH YANG DEMIKIAN, pada menjalankan kuasa yang diberikan kepada saya oleh seksyen 18 Akta Bantuan Bersama dalam Perkara Jenayah 2002, saya, Dato' Seri Mohamed Nazri Tan Sri Abdul Aziz, Menteri yang bertanggungjawab bagi hal ehwal undang-undang di Malaysia, dengan ini mengarahkan supaya peruntukan Akta Bantuan

Bersama dalam Perkara Jenayah 2002 terpakai berhubung dengan permintaan bagi bantuan bersama berhubung dengan perkara jenayah itu seolah-olah suatu perintah yang dibuat di bawah seksyen 17 Akta Bantuan Bersama dalam Perkara Jenayah 2002 berkuat kuasa berkenaan dengan United Kingdom of Great Britain and Northern Ireland tanpa apa-apa sekatan, had, kecualian, ubah suaian, penyesuaian, syarat atau batasan.

Bertarikh 5 Mac 2012

[JPN(R)152/185/29/3-26; PN(PU2)628/VI]

DATO' SERI MOHAMED NAZRI TAN SRI ABDUL AZIZ
Menteri di Jabatan Perdana Menteri

MUTUAL ASSISTANCE IN CRIMINAL MATTERS ACT 2002

SPECIAL DIRECTION OF THE MINISTER

WHEREAS:

- (a) a criminal matter involving the foreign serious offences of cheating the public revenue under common law, money laundering under section 327, 328 and 329 of the Proceeds of Crime Act 2002, fraudulent evasion of value added tax under section 72 of the Value Added Tax 1994 and the offence of conspiracy under section 1(1) of the Criminal Law Act 1977 has commenced in the United Kingdom of Great Britain and Northern Ireland, a foreign State;
- (b) the Crown Prosecution of the United Kingdom of Great Britain and Northern Ireland has made a request for mutual assistance in relation to that criminal matter under the Mutual Assistance in Criminal Matters Act 2002 [*Act 621*];
- (c) no order under section 17 of the Mutual Assistance in Criminal Matters Act 2002 has been made in relation to the United Kingdom of Great Britain and Northern Ireland at the time the request was received by Malaysia; and
- (d) the Attorney General of Malaysia has recommended that mutual assistance be given to the United Kingdom of Great Britain and Northern Ireland in relation to that criminal matter under the Mutual Assistance in Criminal Matters Act 2002:

NOW THEREFORE, in exercise of the powers conferred on me by section 18 of the Mutual Assistance in Criminal Matters Act 2002, I, Dato' Seri Mohamed Nazri Tan Sri Abdul Aziz, the Minister responsible for legal affairs in Malaysia, do direct that the provisions of the Mutual Assistance in Criminal Matters Act 2002 be applied in relation

to the request for mutual assistance in relation to that criminal matter as if there is in effect in respect of the United Kingdom of Great Britain and Northern Ireland an order made under section 17 of the Mutual Assistance in Criminal Matters Act 2002 without any restriction, limitation, exception, modification, adaptation, condition or qualification.

Dated 5 March 2012

[JPN(R)152/185/29/3-26; PN(PU2)628/VI]

DATO' SERI MOHAMED NAZRI TAN SRI ABDUL AZIZ
Minister in the Prime Minister's Department